

Takwim persekolahan tahun ini tidak berubah

Astro Awani

15 April 2020

Ruzaini Zulkepli,

PUTRAJAYA: Takwim persekolahan tahun ini kekal seperti sediakala, kata Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Md Jidin.

Dr Mohd Radzi berkata kementeriannya akan memberikan maklumat berkaitan perubahan mengenai takwim persekolahan dari semasa ke semasa.

“Berkaitan dengan penggal persekolahan, sebarang maklumat mengenai hal ini kita akan maklumkan dari semasa ke semasa.

“Pada hari ini, jadual atau takwim kekal seperti mana yang sedia ada untuk penggal persekolahan,” katanya dalam satu sidang media di Putrajaya pada Rabu.

Terdahulu, beliau berkata KPM membuat keputusan untuk mengubah tarikh peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

“Tarikh peperiksaan SPM dan SVM akan ditunda kepada suku pertama tahun 2021.

“Bagi calon STPM pula, tarikh peperiksaan Semester 2 diubah kepada Ogos 2020 manakala peperiksaan Semester 3 akan diadakan dalam suku pertama tahun 2021.

“Peperiksaan STAM juga akan diadakan dalam suku pertama tahun 2021,” tambahnya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/takwim-persekolahan-tahun-ini-tidak-berubah-238493>